

Newspaper	New Straits Times
Date	21 February 2016

'Saya sedia sumpah depan al-Quran'

Sinar Harian - 21/2/2016

■ MOHD HAFIZ ISMAIL

KUALA LUMPUR - Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau sedia bersumpah dengan al-Quran jika diminta berbuat demikian.

Menurutnya, sumpah yang akan dilakukannya itu mestilah berlandaskan niat yang betul.

"Kalau apa yang saya kata itu di-sangka fitnah atau tidak betul dan minta saya bersumpah, saya akan bersumpah.

"Kalau saya suruh orang sumpah, saya pun mesti bersedia bersumpah dengan al-Quran dengan niat yang betul serta bukan niat lain tapi sumpah lain," katanya pada sidang media selepas merasmikan kempen Let's Read Quran, semalam.

Sebelum ini, bekas Perdana

Menteri itu mencabar Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali bersumpah dengan al-Quran bahawa laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Bank Negara Malaysia dalam isu derma RM2.6 bilion tidak mengaitkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dengan rasuah.

Ketika mengulas kenyataan beliau pada ucapan perasmian program tersebut mengenai bukti keadaan diterima dalam Islam selain daripada empat saksi yang baik, Mahathir berkata, tidak semestinya empat saksi diperlukan untuk menghukum pesalah.

"Bukan selalu kita perlu ada empat saksi. Kalau ada kaedah-kaedah untuk membuktikan yang boleh dipercayai, kita boleh guna.

"Dalam Islam, tidak ada empat

saksi pun kita boleh ambil kira sebagai bukti sebelum satu-satu hukuman dijatuhkan. Lain-lain bukti kita boleh guna. Sebagai contoh, fitnah Zulaikha terhadap Nabi Yusuf AS di mana hanya baju Nabi Yusuf koyak di belakang dan tanpa saksi ketika itu orang dapat buktikan Zulaikha bersalah," katanya.

Ketika diminta mengulas ulang tahun ke-40 Najib dalam arena politik, Mahathir berkata, beliau mendapati prestasi Najib sangat berbeza berbanding sebelumnya.

"Saya mempunyai harapan amat tinggi kepada perdana menteri kerana dia adalah anak kepada bekas Perdana Menteri (Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein).

"Saya harap beliau kembali kepada cara-cara ayahnya yang banyak menyumbang kepada pembangunan ne-

gara kita," katanya.

Ditanya mengenai tindakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengumumkan penangguhan semua pengambilan pekerja asing dari negara luar, termasuk 1.5 juta dari Bangladesh selepas Malaysia menandatangani memorandum persefahaman dengan negara itu, Mahathir berkata, keputusan tidak konsisten dalam sesuatu perkara oleh kerajaan sering berlaku.

"Mereka *flip-flop* (tidak konsisten). Ini berlaku sepanjang masa. Mereka perkenalkan polisi, mereka tarik balik dan selepas itu perkenalkan balik dalam semua perkara, termasuk automotif, di mana mereka ada polisi yang diubah serta diperkenal.

"Keadaan ini menimbul-

kan kekeliruan dan rakyat perlu gesa kerajaan hentikannya kerana ia melibatkan keuntungan dan kerugian di pihak lain," katanya.



MAHATHIR